



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PEKELILING DEKAN

BILANGAN 3 TAHUN 2020

### PERUNTUKAN KEWANGAN DARI FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI BAGI BAYARAN YURAN PENERBITAN JURNAL BERIMPAK TINGGI BERSTATUS Q1/ Q2/ BERINDEK SCOPUS/ WOS/ ERA

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga akademik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) mengenai peruntukan kewangan dari Fakulti bagi bayaran yuran penerbitan jurnal berimpak tinggi berstatus Q1/ Q2/ berindek Scopus/ WOS/ ERA.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

UiTM sedang menuju ke arah universiti yang berintensifkan penyelidikan. Dalam Perancangan Strategik UiTM 2025, staf akademik disarankan meningkatkan usaha dalam penerbitan jurnal berimpak tinggi supaya dapat mencapai sasaran UiTM menjadi '*Global Excellence*'.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Fakulti Bil 3/2020 pada 7 Mei 2020 telah memutuskan untuk memberi peruntukan kewangan bagi bayaran yuran penerbitan jurnal berimpak tinggi yang berstatus Q1/ Q2/ berindek Scopus/ WOS/ ERA kepada staf akademik FSR.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan bayaran yuran penerbitan jurnal berimpak tinggi adalah seperti berikut:

- a) Jumlah bayaran yuran penerbitan yang diperuntukan
  - i. Jurnal berstatus Q1 – Fakulti akan membayar sehingga RM3,000.00 (maksimum)
  - ii. Jurnal berstatus Q2 – Fakulti akan membayar sehingga RM2,000.00 (maksimum)
  - iii. Jurnal berindek Scopus/ WOS/ ERA – Fakulti akan membayar sehingga RM2,000.00

- b) Proses permohonan tuntutan bayaran yuran penerbitan jurnal berimpak tinggi
- i. Mestilah Penulis Utama atau Corresponding Author
  - ii. Menghantar permohonan tuntutan kepada Panel Pembangunan Sumber Manusia FSR dengan melampirkan dokumen seperti berikut:
    - Bukti yang menunjukkan tahap jurnal yang akan diterbitkan (SJR/ Scopus/ WOS/ ERA); dan
    - Surat/ emel penerimaan bahawa jurnal tersebut telah diterima; dan
    - Resit pembayaran yuran penerbitan.
- c) Permohonan hanya dibuka kepada penerbitan artikel penyelidikan yang tidak dibiayai oleh geran dalaman atau luaran UiTM.
- d) Seorang pensyarah hanya boleh membuat permohonan dua (2) kali setahun.
- e) Pembayaran yuran penerbitan jurnal adalah menggunakan peruntukan Wang Pengurusan FSR.

#### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 8 Mei 2020.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2020.



**PROF. MADYA DR. MOHAD ANIZU MOHD NOR**  
Dekan

Dikelilingkan kepada :

Semua Staf Akademik Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-FSR (PT.6/7/1)  
No. Siri : 032020